

KOSMO · 23/3/22 (Crabu) · m/s : 6

4,000 CCTV siap dipasang pantau banjir Kuala Lumpur

DEWAN RAKYAT

PETALING JAYA — Sebanyak 4,000 unit sistem televisyen litar tertutup (CCTV) telah siap dipasang di sekitar Kuala Lumpur bagi tujuan memantau lokasi-lokasi banjir agar bantuan awal dapat segera dihantar.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, kementerian melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa memastikan kesiapsiagaan menjadi hal utama dalam menghadapi perubahan iklim yang semakin ekstrem.

"DBKL telah mengambil tiga pendekatan dalam memastikan isu banjir dan tanah runtuh di Kuala Lumpur dapat diatasi dengan berkesan menerusi tindakan serta-merta, jangka pendek dan jangka panjang.

"DBKL akan mengambil tinjakan segera dalam membersihkan segala halangan dan saluran



GAMBAR fail keadaan banjir kilat yang melanda pusat bandar raya Kuala Lumpur pada 7 Mac lalu.

dalam longkang tepi jalan-ketika banjir serta pengurusan trafik akan terus diselenggara DBKL dengan bantuan agensi lain," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad (**PH-Setiawangsa**) yang ingin tahu mengenai kesiapsiagaan Kuala Lumpur berdepan kesan iklim yang semakin ekstrem termasuk banjir dan tanah runtuh dalam tempoh 20 tahun akan datang.

Tambah beliau, DBKL juga te-

lah membuat pemantauan melalui CCTV yang dipasang sekitar Kuala Lumpur melalui Kuala Lumpur Command&Control Centre (KLCCC) untuk mengenal pasti lokasi-lokasi yang terlibat dengan banjir untuk menghantar bantuan awal.

"Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga Jun akan datang, akan siap dipasang lagi 1,000 unit CCTV tambahan dan ia akan diletakkan di kawasan 'hotspot' mudah banjir," ujar beliau.

Sinar Harian - 23/3/22 (Rabu) - m/s: 8

Pasang lima siren amaran banjir kilat di KL

KUALA LUMPUR - Sebanyak lima siren amaran akan dipasang di sekitar ibu negara sebagai usaha memberi amaran awal kepada orang ramai mengenai kemungkinan berlaku banjir kilat.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, kerja-kerja awal telah dilakukan di lima kawasan yang dikenal pasti iaitu Lorong Kiri Keramat 15, Terowong Chan Sow Lin, Taman U-Thant, Jalan Sembilan di Kampung Cheras Baru dan Sungai Kayu Ara.

"Sistem siren amaran tersebut adalah antara inisiatif **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)**,

untuk menambah aset bagi pengurusan bencana banjir di samping pemasangan tambahan 51 kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan *hotspot* banjir dengan 13 daripadanya telah siap dipasang.

"Kita maklum Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (Terowong Smart) dapat membantu mengurangkan atau mencegah berlakunya banjir kilat tetapi itu tidak boleh menampung (semua) kawasan di Kuala Lumpur. Disebabkan itu, DBKL mengambil beberapa pendekatan untuk berikan sistem amaran awal," katanya menjawab soalan **Datuk Che Abdullah Mat Nawi (Pas-Tumpat)**.



lokal

Kuala Lumpur: Lima siren amaran akan dipasang di sekitar ibu negara dalam usaha memberi amaran awal kepada warga kota mengenai kemungkinan berlakunya banjir kilat.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, siren amaran berkenaan akan dipasang di Lorong Kiri Keramat 15, Terowong Chan Sow Lin, Taman U-Thant, Jalan Sembilan di Kampung Cheras Baru dan Sungai Kayu Ara,

DBKL pasang lima siren amaran awal banjir

dengan kerja awal sudah dimulakan.

Beliau berkata, pemasangan sistem amaran itu adalah antara inisiatif **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)** dalam menambah aset bagi pengurusan bencana banjir, selain pemasangan tambahan 51 kamera litar tertutup (CC-TV) di kawasan sering berlaku banjir.

Katanya, setakat ini 13 CC-

TV siap dipasang dan bakiya masih dalam proses pemasangan.

"Memang kita maklum Terowong Smart dapat membantu mengurangkan atau mencegah berlakunya banjir kilat, tapi itu tidak boleh menampung (semua) kawasan di Kuala Lumpur.

"Disebabkan itu DBKL mengambil beberapa pendekatan untuk kita memberikan sistem amaran awal

kepada masyarakat dan warga kota tentang kemungkinan berlakunya banjir kilat yang boleh mendatangkan kerugian kepada kerajaan dan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Che Abdullah Mat Nawi (Pas-Tumpat)** berhubung keberkesanan Terowong Smart di ibu kota dalam menangani masalah

banjir kilat.

Menjawab soalan tambahan **Hannah Yeoh (PH-Segambut)** sama ada pasukan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran DBKL akan diperbesarkan, Jalaludin berkata pihaknya sedang meneliti untuk menambah kekuatan pasukan berkenaan yang kini hanya memiliki kekuatan kira-kira 300 orang.

Terdahulu ketika menjawab soalan asal **Nik Nazmi Nik Ahmad (PH-Setiawangsa)**, Jalaluddin berkata, DBKL sudah menjadikan syarat kelulusan Jabatan Pengairan Saliran Kuala Lumpur sebagai syarat wajib dalam setiap kelulusan Perintah Pembangunan.

Ini memandangkan keti-

ka ini terdapat 3,441 kawasan berbukit dan cerun di Kuala Lumpur yang perlu dipantau pasukan berkenaan yang kini hanya memiliki kekuatan kira-kira 300 orang.

City hall installing pg: 3 five flash flood warning sirens in KL

KUALA LUMPUR: Five warning sirens will be installed in the federal capital to provide early warning to city dwellers on the possibility of flash floods, Deputy Federal Territories Minister Datuk Seri Jalaluddin Alias told the Dewan Rakyat yesterday.

He said preliminary work had started for the installation of the siren at Lorong Kiri Keramat 15, Chan Sow Lin Tunnel, Taman U-Thant, Jalan Sembilan in Kg Cheras Baru and Sg Kayu Ara.

Installation of the warning system is one of the initiatives taken by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to increase its assets for flood disaster management, besides the installation of an additional 51 closed-circuit television (CCTV) cameras in flood hotspots, he added.

He said 13 CCTV had been installed, with the remaining in the process of installation.

"We know that the Smart Tunnel can help reduce or prevent flash floods, but that cannot cover all the areas in Kuala Lumpur.

"As such, DBKL has taken several approaches to provide an early warning system to the community and city dwellers on the possibility of flash floods," he said.

He said this in response to a supplementary question from Che Abdullah Mat Nawi (PAS-Tumpat) on the effectiveness of the Smart Tunnel in dealing with flash floods in the federal capital.

To a supplementary question from Hannah Yeoh (PH-Segambut) on whether the Civil Engineering and Drainage Department at DBKL would be enlarged, Jalaludin said his department was looking into the matter to carry out slope and hill-monitoring tasks.

He said the department currently had 300 staff.

"There are 3,441 hilly and slope areas in Kuala Lumpur that need to be monitored," he added.

Earlier, to an original question from Nik Nazmi Nik Ahmad (PH-Setiawangsa), Jalaluddin said approval by the Kuala Lumpur Department of Irrigation and Drainage is mandatory for a development order to be approved.

This is apart from the requirement for developers to obtain the Traffic Impact Assessment Report under the DBKL Infrastructure Planning Department and the Environmental Impact Assessment under the Department of Environment at the Environment and Water Ministry, he added.

Nik Nazmi had wanted to know Kuala Lumpur's preparedness to face the effects of the increasingly extreme climate, including floods and landslides in the next 20 years. - Bernama

Kawal proses pembaharuan semula bandar

Bentuk Harian . 23/3/22 (Rabu) - m/s: 22

Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengkaji keperluan menggubal satu akta khusus bagi mengawal selia proses pelaksanaan pembaharuan semula bandar.

Menterinya, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, berkata Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) juga sedang menggubal pindaan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) mengenai persetujuan pemilik petak serta tatacara penamatan skim strata bagi membolehkan pembinaan semula sesuatu bangunan dilaksanakan.

Beliau berkata, cadangan penggubalan akta baharu dan pindaan Akta 318 itu antara lain bertujuan memudahkan usaha pembangunan semula bangunan serta flat lama yang usang di bandar.

Katanya, antara ciri kawasan yang memerlukan pembaharuan semula ialah kawasan atau bangunan usang yang terbiar dan

menimbulkan imej atau identiti bandar kurang menarik.

"Selain itu, kawasan yang mengalami kemerosotan kualiti persekitaran; peningkatan pencemaran, kadar jenayah dan sosial; serta kediaman yang sesak dan substANDARD serta tidak sesuai dengan keadaan semasa.

"Bagi menangani isu bangunan usang, khususnya membabitkan skim strata, JKPTG sedang menggubal pindaan Akta 318 berkaitan persetujuan pemilik petak serta tatacara penamatan skim strata bagi membolehkan pembinaan semula bangunan.

"KPKT juga berpendapat memang ada keperluan untuk menjalankan kajian terperinci dan menyeluruh mengenai kesesuaian penggubalan satu akta khusus berkenaan pembaharuan semula bandar," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Wong

Hon Wai (PH-Bukit Bendera) mengenai strategi KPKT memperkenalkan program dan perundangan berhubung pembangunan semula bandar bagi mengatasi isu flat usang di bandar.

Mengulas lanjut, Reezal Merican berkata, keperluan perundangan khusus timbul berdasarkan beberapa kes pembangunan semula yang berdepan kesukaran apabila membabitkan pengambilan tanah.

Beliau menjelaskan, ia berdasarkan pembaharuan semula di Kerinchi yang mengambil tempoh lama apabila pemilikan strata telah dipecah milik kepada individu, berbanding proses di Razak Mansion yang lebih mudah kerana tanahnya bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan berstatus pajakan.

"Penggubalan akta membabitkan pembaharuan semula bandar juga berkait tujuh atau lapan akta lain, seperti Kanun Tanah Negara, Akta 318, Akta Pengurusan Strata 2013, Akta Pengam-

bilan Tanah 1960, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, merangkumi fungsi kementerian yang agak rentas.

"KPKT sedang mengadakan penilaian impak perundangan sebagai permulaan ke arah penggubalan undang-undang baharu yang bersifat rentas, konkusif dan komprehensif untuk melaksanakan pembaharuan semula bandar," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Salim Sharif (BN-Jempol) mengenai langkah KPKT mengatasi isu 3,519 perumahan lama yang usang pula, Reezal Merican berkata, pihaknya akan menggunakan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) untuk menguruskan perumahan berkenaan.

"Ya, memang ada sekitar 3,519 skim perumahan yang tiada badan pengurusan bersama serta jawatankuasa pengurusan, dan keadaan kediaman strata ini dalam keadaan amat usang," katanya.

Selaras bantuan kepada gelandangan elak membazir

Berita Harian · 23/3/22 (Rabu) · M/S-36

NGO diminta hubungi DBKL sebelum agih makanan pada Ramadan

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Badan bukan kerajaan (NGO) diminta berhubung dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terlebih dahulu sebelum menghulurkan sumbangan kepada gelandangan di ibu negara, sempena Ramadan tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata kementerian dan DBKL tidak menghalang mana-mana pihak untuk bersede-

kah atau membantu golongan gelandangan sepanjang tempoh Ramadan akan datang.

Bagaimanapun, beliau meminta NGO yang berhasrat berbuat demikian bekerjasama dengan DBKL supaya semua bantuan itu boleh diselaraskan, sekali gus mengelak pembaziran yang bertentangan dengan semangat Ramadan.

"Menjelang Ramadan tidak lama lagi, kementerian dan DBKL tidak menghalang mana-mana pihak yang mahu ber-sedekah atau membantu golongan gelandangan di ibu negara.

"Saya berharap semua NGO, terutama yang datang dari luar Kuala Lumpur dapat berhubung dengan DBKL sebelum melakukan pengagihan makanan atau bantuan lain supaya kita boleh

selaraskan semua bantuan ini.

"Perkara ini penting kerana kita tidak mahu sebarang pembaziran yang melampau berlaku ketika Ramadan.

"Kita mahu yang terbaik untuk semua tetapi pada masa sama, kita juga perlu menjaga kebersihan bandar, kesihatan dan mengelakkan pembaziran daripada berleluasa, khususnya ketika Ramadan," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Steven Choong Shieu Yoon (PBM-Tebrau) mengenai sama ada isu gelandangan diselamatkan yang kembali ke jalan, berlaku kerana mereka selesa dengan bantuan NGO.

Terdahulu, ketika menjawab soalan tambahan Datin Dr Tan

Yee Kew (PH-Wangsa Maju), Jalaluddin memaklumkan, 20 peratus daripada gelandangan yang pernah diselamatkan kementerian dan DBKL kembali kepada kehidupan di jalanan.

"Di Anjung Kelana, Taman Desa, kita memberi pelbagai latihan kemahiran kepada gelandangan yang kita selamatkan seperti kemahiran menjahit, berkebun dan lain-lain supaya mereka ada akses kepada peluang pekerjaan serta boleh ditawarkan (ekerja) untuk mana-mana agensi dan syarikat.

"Namun berdasarkan rekod kami, 20 peratus daripada kumpulan yang kita selamatkan ini kembali kepada kehidupan ber-gelandangan," katanya.

Bagaimanapun, Jalaluddin enggan menuduh jari kepada NGO sebagai penyebab golongan itu kembali hidup di jalan raya, sebaliknya mengakui sumbangan NGO dalam membantu memastikan kebajikan gelandangan di ibu negara terbaik.



Jalaluddin Alias